



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 16 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY: WOMEN'S MINISTRY TO FOCUS ON NINE KEY FRAMEWORKS IN 2024	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/1001609/nancy-womens-ministry-focus-nine-key-frameworks-2024	NST.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1200688/kpwkm-fokus-9-kerangka-keberhasilan-utama	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=x5obLW08DiI	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	WUJUDKAN GARIS PANDUAN KELUARGA SEJAHTERA	
	https://harakahdaily.net/index.php/2024/01/15/wujudkan-garis-panduan-keluarga-sejahtera/	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JABATAN PERANGKAAN BUKA KAUNTER MUDAHKAN PENDAFTARAN PADU	
	https://www.melakahariini.my/jabatan-perangkaan-buka-kaunter-mudahkan-pendaftaran-padu/	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SARAWAK SALUR BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI KAMPUNG BINTAWA HILIR	
	https://suarasarawak.my/sarawak-salur-bantuan-kewangan-kepada-mangsa-kebakaran-di-kampung-bintawa-hilir/	SUARASARAWAK.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	JKM CARI IBU KANDUNG TINGGAL ANAK DI RUMAH SEPUPU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/644448/berita/semasa/jkm-cari-ibu-kandung-tinggal-anak-di-rumah-sepupu	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	JKM KELANTAN SEDIAKAN KHIDMAT SOKONGAN PSIKOLOGI KEPADA LEBIH 45,000 MANGSA BANJIR	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2262548	BERNAMA.COM
	https://siakapkei.my/2024/01/15/jkm-kelantan-sediakan-khidmat-sokongan-psikologi-kepada-lebih-45000-mangsa-banjir/	SIKAPKEI.MY
	https://www.bernama.com/en/general/news_disaster.php?id=2262551	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/cerita/berita/jkm-kelantan-sediakan-khidmat-sokongan-psikologi-kepada-lebih-45000-mangsa-banjir-BB11987204	THESUN.MY
	https://thesun.my/local_news/jkm-extends-crisis-intervention-psychological-support-to-kelantan-flood-victims-DB11986630	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	529 MANGSA BANJIR DI SABAH, PAHANG DAN JOHOR DIREKODKAN PETANG INI	
	https://www.buletintv3.my/nasional/529-mangsa-banjir-di-sabah-pahang-dan-johor-direkodkan-petang-ini/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	LELAKI ONANI DI HADAPAN WANITA SEDANG BERJOGING	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/lelaki-onani-di-hadapan-wanita-sedang-berjoging/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BAKAL PENGANTIN MENGAKU SALAH ROGOL GADIS BAWAH UMUR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1050714/bakal-pengantin-mengaku-salah-rogol-gadis-bawah-umur	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/15/bakal-raja-sehari-didakwa-rogol-gadis-sehingga-lahir-bayi/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1200514/bakal-pengantin-mengaku-bersalah-rogol-gadis-bawah-umur	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=a8VqEltzEjQ	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	LELAKI SUDAH BERKAHWIN DITUDUH CABUL ANAK TEMAN WANITA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1200454/lelaki-sudah-berkahwin-dituduh-cabul-anak-teman-wanita	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1050674/didakwa-cabul-anak-teman-wanita	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/juruelektrik-didakwa-cabul-anak-teman-wanita/	BULETINTV3.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/15/lelaki-berkahwin-mengaku-tak-salah-cabul-anak-teman-wanita/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/15/juruteknik-didakwa-cabul-anak-kekasih/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/juruteknik-didakwa-cabul-anak-teman-wanita/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=paMvJHmj4dl	YOUTUBE



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
11	SUAMI ISTERI DIPENJARA 5 TAHUN LAKUKAN AMANG SEKSUAL REMAJA OKU	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-dipenjara-5-tahun-lakukan-amang-seksual-remaja-oku-454141	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/buat-amang-seksual-terhadap-remaja-oku-suami-isteri-dipenjara/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/644441/video/berita-semasa-video-suami-isteri-dijel-lima-tahun-amang-seksual-sepupu-oku-14-tahun	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1050693/suami-isteri-lakukan-amang-seksual-dipenjara-lima-tahun	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1200526/suami-isteri-dihukum-penjara-kes-amang-seksual-remaja-oku-lembam-simpan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2262602	BERNAMA.COM
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/amang-seksual-terhadap-remaja-oku-14-tahun-suami-isteri-dipenjara-lima-tahun	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://selangorkini.my/2024/01/amang-seksual-remaja-perempuan-oku-suami-isteri-dipenjara-lima-tahun/	SELANGORKINI.MY
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/melakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-oku-suami-isteri-dipenjara-5-tahun/	BULETINTV3.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/15/suami-isteri-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-oku-dipenjara/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/15/suami-isteri-dijel-5-tahun-kes-amang-seksual-sepupu-oku-14-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/video/2024/01/suami-isteri-dijel-5-tahun-kes-amang-seksual-sepupu-oku/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/644429/berita/semasa/video-suami-isteri-dijel-5-tahun-kes-amang-seksual-sepupu-oku-14-tahun	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=yehtprCLEZA	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

16/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	BAYI CEDERA DIPERCAYAI DIGIGIT, POLIS AKAN PANGGIL PENGASUH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-cedera-dipercayai-digigit-polis-akan-panggil-pengasuh-454066?	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=Tuo_h09Zlsc	YOUTUBE
	https://www.buletintv3.my/nasional/hari-pertama-ke-rumah-pengasuh-bayi-digigit-di-badan-abang-berbirat-di-muka/	BULETINTV3.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1200571/ibu-dakwa-bayi-digigit-hingga-berdarah-anak-lelaki-dilempang-di-rumah	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/pengasuh-bayi-digigit-direman-empat-hari/	UTUSAN.COM.MY



Nancy: Women's ministry to focus on nine key frameworks in 2024

By Luqman Hakim - January 15, 2024 @ 6:39pm



Datuk Seri Nancy Shukri, said the focus would emphasise on nine frameworks that touch on developing women, families and communities. - NSTP/ASYRAF HAMZAH

KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Ministry will strengthen its commitment to improving its public service delivery through various initiatives and programmes in 2024.

Its Minister, Datuk Seri Nancy Shukri, said the focus would emphasise on nine frameworks that touch on developing women, families and communities.

"This includes empowering caregiver competencies through training programmes to enhance the caregiver industry.

"Additionally, the development of a more focused module for care for persons with disabilities (PwD) to support the comprehensive development of their potential will be pursued.

"The MamaCare Postpartum Health Care programme will be strengthened, and Advocacy Awareness Care campaigns will be intensified," she said in a statement based on her address at the ministry's monthly assembly.

She said the Child Development Department will recruit officers who will optimise departmental operations, and improve efficiency, transparency, and accountability to ensure comprehensive and professional services for the well-being of children in the country.

"Furthermore, amendments to child-related acts and policies will be implemented to solidify the role of the department."

Nancy said the newly launched Intervention Interactive Workshop (MIBI 2.0) will act as a psychological and counselling intervention module for child cases under the Interactive Workshop Order, Child Act 2001.

"It covers four main constructs namely the Psychological Counseling Intervention Plan, Psychopedagogy (Family Retreat), Psychological Assessment, and Parenting Consultation. The implementation of this new version will have a positive impact on the development, recovery, and self-development of children and families.

"The implementation of this new version will have a positive impact on the development, recovery, and self-development of children and families."

Meanwhile, the Sexual Harassment Tribunal (TAGS) will operate fully this year with active enforcement of sexual harassment regulations, full enforcement of the Sexual Harassment Act 2022 (Act 840), appointment of TAGS members, and the operation of the Tribunal office at Menara Aras Raya, Kuala Lumpur.

Efforts to empower women and mainstream gender through various community empowerment advocacy programs, social support, income generation, and creating a conducive environment to support the government's efforts to achieve 60 per cent female labour force participation and zero tolerance for violence against women (Assert) were also highlighted.

"In line with the desire to strengthen family institutions, the Kasih KPWK Expedition programme will be implemented to expand the reach of ministry programs and initiatives nationwide.


"Additionally, various advocacy programmes will be implemented, including Kasih: Harmonious Family, Negara Madani, Expansion of the Anjung Sinar Project, and the operation of Local Social Support Centres Transit in Kuala Lumpur and Rantau Panjang, Kelantan.

"The ministry also commits to launching the National Social Policy 2024-2030 in the first quarter of this year.

"This policy, aligning 44 policies related to social instruments in 19 social portfolio ministries in the government, will be a comprehensive policy focusing on human development and the social system to achieve a resilient, progressive, responsible, caring, ethical, and self-identity society," she said.

Other frameworks given focus include empowering PwD and senior citizens, strengthening social work practices, enhancing legislation, acts, and policies, as well as digitising service delivery.

Moving towards digitalisation, existing systems and applications will be upgraded to meet current technological needs, including the Kasih Helpline 15999 System, the Elderly Registration and Mapping System (eWE), and the Sexual Crimes Against Children Offender Checking System (eDKK).



Wujudkan garis panduan keluarga sejahtera

January 15, 2024



Zuraida Md Noor

KUALA TERENGGANU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di harap dapat mewujudkan garis panduan keluarga sejahtera di samping latihan dan kursus keibubapaan dipertingkatkan di seluruh negara.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional, Zuraida Md Noor berkata demikian ketika mengulas isu penderaan seksual terhadap kanak-kanak yang melibatkan individu dikenali.

Beliau berkata, kanak-kanak merupakan anugerah istimewa dalam sesebuah institusi keluarga.

Malah, kata beliau, setiap kanak-kanak merupakan aset penting buat negara dan masyarakat dalam menentukan corak pembangunan negara pada masa hadapan.

"Mereka ini wajar diberikan perlindungan dan penjagaan di samping kasih sayang dan perhatian yang menjadi tunjang utama dalam sesebuah institusi keluarga," katanya kepada Harakahdaily, hari ini.

Bagaimanapun, kata beliau, berita mengenai kes penderaan terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa dan keluarga sendiri sering dilaporkan oleh media arus perdana.

"Kajian menunjukkan setakat Ogos 2023, kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan kes tertinggi dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan 1,603 kes.

"Antara faktor yang menjurus kepada penderaan kanak-kanak adalah berpunca daripada institusi keluarga yang bermasalah, masalah kewangan, tekanan di tempat kerja dan kurangnya pengetahuan terhadap agama.

"Tidak dinafikan, pasca Covid-19, status kesihatan mental masyarakat semakin membimbangkan.

"Ditambah dengan peningkatan kos sara hidup isi rumah membuatkan sesebuah institusi rumah tangga semakin goyah jika tidak mempunyai asas agama yang kuat serta kemahiran mengurus emosi dengan baik," katanya.

Dalam menangani isu ini, kata Zuraida yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ladang, beberapa cadangan perlu diberi perhatian serius.


Antaranya, kata beliau, Jabatan Agama Islam di setiap negeri boleh memainkan peranan dengan menyentuh tajuk kesejahteraan rumah tangga menurut perspektif Islam melalui khutbah Jumaat dan kuliah duha di masjid-masjid.

Selain itu, beliau berkata, peranan ibu juga penting dalam memberikan perhatian kepada anak-anak walau sibuk dengan tugas di tempat kerja.

Ini kerana katanya, kesan penderaan kanak-kanak boleh berpanjangan dan akan merosakkan perkembangan mental dan fizikal mereka.

"Kanak-kanak yang didera berisiko mengalami Kecelaruhan Tekanan Pasca Trauma (PTSD), terbantut perkembangan, kurang keyakinan diri dan bersikap negatif terhadap persekitaran.

"Mereka memerlukan rawatan psikologi untuk pulih dari trauma yang dialami," ujarnya. –



PENGARAH DoSM negeri, Abang Saifulhadi Abang Ibrahim (berdiri,kiri) menyantuni penghuni Rumah Seri Kenangan Cheng pada Program Pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka menganjurkan di Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka. Foto MR AZLI

Jabatan Perangkaan buka kaunter memudahkan pendaftaran PADU



SITI SALEHAH
ISNIN, 15 JANUARI 2024 @ 14:12

PAYA RUMPUT 15 Januari – Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM) akan membuka kaunter fizikal di pejabat kerajaan dan institusi pengajian tinggi (IPT) bagi memudahkan rakyat mengemaskini dan mendaftar maklumat diri di Pangkalan Data Utama (PADU).

Pengarah DoSM negeri, Abang Saifulhadi Abang Ibrahim berkata, selain mengguna pakai kesemua Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di negeri ini, kaunter fizikal di lokasi tumpuan awam turut dilaksanakan bagi menggalakkan lebih ramai yang tampil mengemaskini dan mendaftar.

“Sebelum ini ‘trend’ pendaftaran agak tinggi antara 5,000 hingga 6,000 sehari tetapi sekarang momentum itu agak perlahan dengan kira-kira 1,000 sahaja sehari.

“Jadi kita ambil inisiatif dengan membuka kaunter di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Menara Persekutuan. Selepas ini pula akan ke beberapa IPT dan pejabat kerajaan lain yang menjadi tumpuan ramai.

“Dengan adanya kaunter fizikal ini rakyat bukan sahaja dapat mendaftar sebaliknya mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan PADU,” katanya.


Abang Saifulhadi ditemui media selepas menerima kunjungan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin ke kaunter fizikal DoSM di Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheng, di sini, semalam.

Menurutnya, usaha dan gerak kerja yang agresif perlu dijalankan bagi memastikan sasaran 600,000 penduduk Melaka selesai mengemaskini dan mendaftar PADU menjelang penghujung Mac mampu dicapai.

“Kita di Melaka ini amat bertuah apabila mendapat kerjasama erat dari Kerajaan Negeri menerusi Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan, malah dengan kebersamaan ini, komunikasi di peringkat komuniti lebih berkesan.

“Pada kesempatan yang ada juga saya turut menyeru agar penduduk untuk bertindak segera dengan mendaftar di PADU.

“Saya juga ingin tegaskan proses mengemaskini dan pendaftaran PADU adalah percuma tiada sebarang caj dikenakan, sekiranya ada yang berhadapan dengan situasi dikenakan bayaran mereka perlu membuat laporan segera,” katanya.



Sarawak salur bantuan kewangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Bintawa Hilir



RAKAMAN KENANGAN... Fatimah (lima kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama dengan mangsa kebakaran selepas menyerahkan cek bantuan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Rekreasi Bimajaya Kampung Bintawa Hilir, di sini, hari ini. (Foto oleh Ghazali Bujang)

KUCHING: Kerajaan Sarawak menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan bantuan keseluruhan sebanyak RM59,050 kepada mangsa insiden kebakaran di Kampung Bintawa Hilir yang berlaku pada 5 Januari lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Datuk Seri Fatimah Abdullah berkata, bantuan tersebut diberikan menerusi cek dan mengikut kuantum atau bahagian yang telah ditetapkan JKJ.

Katanya, ia juga disalurkan di bawah bantuan bencana JKMS termasuk wang saku, makanan, pakaian harian, pakaian dan peralatan sekolah, kelengkapan tidur, peralatan dapur, serta bantuan bahan binaan.

"Hari ini (15 Januari) kita menyerahkan cek bantuan kepada mangsa kebakaran setelah siasatan dilakukan dengan melihat beberapa ahli keluarga dan profil keluarga yang terjejas.

"Justeru, kita berharap dengan adanya bantuan sedemikian ia dapat membantu meringankan beban mangsa kebakaran ini ketika menghadapi waktu yang sukar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menyerahkan cek bantuan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Rekreasi Bimajaya Kampung Bintawa Hilir, di sini, hari ini.

Terdahulu, insiden kebakaran tersebut telah mengakibatkan tujuh rumah terbakar 100 peratus manakala, dua lagi terjejas sebahagian.

Punca kebakaran disebabkan litar pintas dari salah sebuah rumah dan kebakaran merebak ke lapan buah rumah berdekatan. Insiden itu tidak melibatkan sebarang kecederaan serta kemalangan jiwa.

Dalam hal berkaitan, terdapat 12 keluarga iaitu melibatkan 38 mangsa telah dipindahkan sementara ke PPS di kampung tersebut.



LAWATAN... Fatimah sempat meluangkan masa untuk mengadakan lawatan ke tapak rumah di kawasan insiden kebakaran berlaku. (Foto oleh Ghazali Bujang)



JKM cari ibu kandung tinggal anak di rumah sepupu

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR [Follow](#)

15 Januari 2024 02:59pm Masa membaca: 4 minit



Nor Farahanim

KUALA SELANGOR - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor mencari ibu kandung kepada bayi perempuan yang ditinggalkan di rumah sepupu wanita itu di Kampung Sungai Gulang-Gulang, Tanjong Karang di sini pada Ogos tahun lalu.


Pegawai Pelindung Kanak-kanak, Munira Abd Aziz berkata, wanita itu, Nor Farahanim Razali, 28, telah menghilangkan diri tanpa dapat dikesan hingga sekarang.

Menurutnya, kanak-kanak itu, Nurul Batrisya Abdullah yang kini berusia lapan bulan mulanya dijaga sepupu wanita itu sehingga Disember tahun lalu dan kemudiannya diserahkan kepada JKM.

"Kanak-kanak itu kini ditempatkan dalam jagaan orang yang layak dan sesuai selama tempoh sebulan melalui perintah mahkamah pada 22 Disember tahun lalu," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Sehubungan itu katanya, JKM memerlukan maklumat berhubung ibu kanak-kanak itu bagi membolehkan urusan penempatan dilakukan dengan sewajarnya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai wanita itu boleh menghubungi Bahagian Kanak-Kanak JKM Daerah Kuala Selangor di talian 03-32891495.



JKM KELANTAN SEDIAKAN KHIDMAT SOKONGAN PSIKOLOGI KEPADA LEBIH 45,000 MANGSA BANJIR



Gambar fail

15/01/2024 01:10 PM

KOTA BHARU, 15 Jan (Bernama) -- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan menyediakan perkhidmatan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi (IKSP) kepada 45,892 mangsa yang terkesan dengan bencana banjir di Kelantan sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) tahun lepas.

Pengarah JKM Kelantan Said Sidup berkata mangsa banjir tersebut melibatkan 7,886 mangsa banjir bagi gelombang pertama pada November manakala 38,006 mangsa semasa gelombang kedua, Disember lepas.

"JKM selaku satu daripada agensi di bawah agensi bantuan dan pemulihan dipertanggungjawab untuk menguruskan kesemua PPS yang dibuka.

"Selain menguruskan pusat pemindahan, pakaian, makanan dan keperluan asas, JKM juga menyediakan perkhidmatan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi (IKSP) kepada mangsa yang terkesan dengan bencana banjir ini," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Menurutnya IKSP tersebut dikelola oleh Pegawai Psikologi dari Bahagian Psikologi dan Kaunseling JKM.

Said berkata antara perkhidmatan melalui IKSP adalah Kaunseling Krisis, Pertolongan Cemas Psikologi (PFA), Intervensi Krisis atau Jangka Pendek, Sesi Kelompok Sokongan, aktiviti Psikopendidikan (ceramah), aktiviti Psikoterapi dan Taklimat (Petugas Bencana).

"Seramai 13 pegawai dan penolong pegawai psikologi di JKM Kelantan dengan dibantu oleh sukarelawan Pasukan Sokongan Psikologi (PST) telah ditugaskan untuk menyantuni mangsa bencana di PPS dengan menawarkan perkhidmatan IKSP ini.

"Mereka menjalankan saringan keperluan intervensi secara manual menggunakan Kit Krisis JKM yang diagihkan kepada setiap keluarga di PPS atau secara dalam talian menggunakan 'google form' dan keputusan saringan akan terus dinilai oleh pegawai psikologi," katanya.

Menurutnya saringan itu bertujuan mengenal pasti mangsa yang terkesan teruk secara psikologi akibat bencana dan akan diberikan intervensi segera jika mangsa menunjukkan keputusan simptom trauma yang teruk.



529 mangsa banjir di Sabah, Pahang dan Johor direkodkan petang ini

🕒 15 Januari 2024, 4:44pm



Anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) melakukan pemantauan di kawasan terjejas banjir di Beluran. – Foto: NSTP

KUALA LUMPUR: Jumlah mangsa banjir di Johor dan Pahang merekodkan penurunan manakala Sabah mencatatkan sedikit peningkatan menjadikan jumlah terkini keseluruhan mangsa seramai 529 orang setakat jam 4 petang ini berbanding 663 orang yang dilaporkan pagi tadi.

Berdasarkan portal Info Bencana Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), setakat jam 4 petang, seramai 234 mangsa banjir daripada 83 keluarga di Sabah ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS) di Beluran dan Sandakan.

Menurut portal itu, mangsa banjir di Sabah membabitkan 63 lelaki dewasa, 50 perempuan dewasa, 18 kanak-kanak lelaki dan 25 kanak-kanak perempuan.



Foto: NSTP

Sementara itu, di Pahang katanya seramai 130 mangsa banjir daripada 45 keluarga ditempatkan di dua PPS iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Aur dan SK Leban Chondong di Rompin.

“Mangsa banjir di Pahang terdiri daripada 20 lelaki dewasa, 44 perempuan dewasa, 26 kanak-kanak lelaki dan 34 kanak-kanak perempuan.

“Di Johor, seramai 165 mangsa banjir daripada 48 keluarga berlindung di empat PPS iaitu dua PPS di Segamat dan masing-masing satu di Kota Tinggi dan Batu Pahat.

“Jumlah mangsa banjir di Johor membabitkan 63 lelaki dewasa, 50 perempuan dewasa, 18 kanak-kanak lelaki dan 25 kanak-kanak perempuan serta tiga orang kurang upaya (OKU) perempuan dan 10 OKU lelaki,” katanya.



Lelaki onani di hadapan wanita sedang berjoging



TANGKAP layar perkongsian video milik @nurananajihah di aplikasi TikTok yang tular di beberapa media sosial.

Oleh NUR AIMI HAZIRAH 15 Januari 2024, 6:22 pm

PETALING JAYA: Seorang wanita diganggu oleh seorang lelaki penunggang motosikal yang berkelakuan tidak senonoh, ketika sedang beriadah di sekitar Damansara Damai.

Menurut perkongsian video oleh @nurananajihah di aplikasi TikTok, dia sedang berjoging seorang diri sebelum ternampak ada seorang lelaki berlegar di sekitarnya dengan motosikal.

Menerusi video berdurasi 45 saat yang tular di media sosial itu, lelaki berkenaan tiba-tiba memberhentikan motosikalnya berdekatan Nurana dan mula bertanyakan soalan.

Katanya, selepas menjawab soalan lelaki tersebut, dia terus beredar namun disapa sekali lagi sebelum lelaki tersebut mula berkelakuan tidak senonoh.

"Selepas itu, dia datang lagi, empat round dia pusing tempat sama. Kemudian dia berhentikan motosikal di depan saya.

"Perlahan-lahan dia buka seluar, rupanya dia nak onani. Seram sangat," katanya menerusi perkongsian video.

Dalam pada itu, warganet yang prihatin turut meninggalkan pesanan di ruangan komen.

"Akak duduk sini 15 tahun, sekarang ni dah banyak kes, memang rasa tidak selamat. Kalau nak joging tu biarlah berteman. Hati-hati semua," tulis @annaliron.

"Jaga diri, awak. Damai itu dari dulu memang scary. Terus update pada orang terdekat kalau nak pergi mana-mana," kata @mommy.dian.



Bakal pengantin mengaku salah rogol gadis bawah umur

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Muar: Seorang lelaki yang dijadual melangsungkan perkahwinan bulan depan, mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan merogol kenalan bawah umur hingga melahirkan anak, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohamad Haidil Haiqal Abdullah, 20, yang ditemani tunangnya, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, dia yang bekerja di kebun kelapa sawit didakwa merogol mangsa yang berusia 13 tahun di sebuah rumah di Kluang, dengan kejadian itu berlaku antara Mei hingga November 2022.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memberitahu mahkamah bahawa mangsa sudah melahirkan bayi pada Mei iaitu seminggu selepas dia ditahan polis pada 30 April tahun lalu.

Hujahnya, hasil ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas bayi yang dilahirkan mangsa mendapati, ia sepadan dengan tertuduh.

"Dalam kes ini, mangsa masih di bawah umur dan kesalahan ini adalah serius. Pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh," katanya.

Selepas mendengar hujahan pihak pendakwaan, mahkamah memutuskan untuk tidak membenarkan tertuduh diikat jamin.

Mahkamah menetapkan 27 Februari ini untuk fakta kes, hukuman serta laporan sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat memandangkan tertuduh pesalah muda.

Disiarkan pada: Januari 15, 2024 @ 1:56pm



Mohamad Haidil dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku rogol kenalan hingga melahirkan bayi. FOTO Alias Abd Rani



Lelaki sudah berkahwin dituduh cabul anak teman wanita

Oleh Alias Abd Rani - Januari 15, 2024 @ 1:03pm
bhnews@bharian.com.my



Azman dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Muar, hari ini. - NSTP/ALIAS ABD RANI

MUAR: Seorang pekerja pendawaian elektrik dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 17 tahun yang juga anak teman wanitanya pada 8 Januari lalu.

Tertuduh, Azman Abdullah, 53, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Lelaki sudah berkahwin itu dituduh melakukan kesalahan berkenaan di sebuah rumah dalam daerah ini kira-kira jam 8 pagi Isnin minggu lalu.


Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama. Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir, manakala tertuduh tiada diwakili peguam.

Pada prosiding berkenaan, pihak pendakwaan tidak menawarkan ikat jamin dengan mengambil kira faktor keselamatan mangsa berikutan tertuduh dilaporkan kerap bertandang ke rumah ibu remaja itu, selain pertuduhan membabitkan kesalahan serius.

Tertuduh dalam rayuannya pula memohon mahkamah membenarkan ikat jamin atas alasan mengalami masalah kesihatan dan perlu mendapatkan rawatan.

Mahkamah kemudian memutuskan tertuduh tidak dibenarkan diikat jamin, dan menetapkan 19 Februari depan untuk sebutan semula kes, serahan dokumen serta lantikan peguam tertuduh.



Suami isteri dipenjara 5 tahun lakukan amang seksual remaja OKU

Bernama

Januari 15, 2024 16:10 MYT



Khairul Hizwan (belakang) dan Norehan (depan) mengekalkan pengakuan bersalah pada 8 Dis lepas terhadap tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal. - Gambar/ Bernama

KLANG: Sepasang suami isteri masing-masing dipenjara lima tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan Orang Kurang Upaya (OKU) berusia 14 tahun pada November dan Disember tahun lepas.

Hakim Noridah Adam menjatuhkan hukuman itu terhadap Khairul Hizwan Kamarudin, 33, dan Norehan Abu Kasim, 36, yang mengekalkan pengakuan bersalah pada 8 Dis lepas terhadap tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal dengan menyentuh anggota badan mangsa.

Pasangan terbabit juga dihukum penjara dua tahun bagi pertuduhan amang seksual bukan fizikal kerana menyebabkan mangsa memerhati perbuatan kedua-dua tertuduh yang bersifat seksual, selain Khairul Hizwan turut dihukum penjara setahun kerana menyimpan video lucah.

Mahkamah memerintahkan kesemua hukuman itu berjalan serentak bermula tarikh tangkapan pada 1 Dis tahun lepas, selain menjalani kaunseling sepanjang tempoh pemenjaraan dan pengawasan selama dua tahun selepas tamat tempoh hukuman.

Bagi kesalahan amang seksual fizikal, kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan boleh juga disebat, jika sabit kesalahan.

Pasangan itu juga didakwa di bawah Seksyen 15(d) AKSTK 2017 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara 10 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya, bagi pertuduhan amang seksual bukan fizikal.

Khairul Hizwan turut mengaku menyimpan beberapa video lucah di dalam telefon bimbitnya dan didakwa mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pasangan itu didakwa melakukan semua kesalahan itu di sebuah rumah di Kampung Bukit Changgang, Kuala Langat pada 12 Nov dan 1 Dis 2023.

Ketika rayuan, mereka yang tidak diwakili peguam meminta dikenakan hukuman ringan dan berjalan serentak, namun Timbalan Pendakwa Raya Nurul 'Izzati Mohamad memohon hukuman berat dengan alasan kesalahan itu serius, selain melibatkan mangsa bawah umur.

Mengikut fakta kes, pasangan suami isteri terbabit telah menghantar pesanan melalui aplikasi WhatsApp kepada mangsa agar datang ke rumah mereka untuk melipat baju. Mangsa yang hadir kemudiannya telah diarahkan melipat baju di dalam bilik sebelum berlakunya perlakuan amang seksual itu.



Bayi cedera dipercayai digigit, polis akan panggil pengasuh

Sinar Harian
Januari 15, 2024 07:30 MYT



Keadaan belakang badan seorang bayi lelaki yang mempunyai kesan gigitan. - Foto tular/Sinar Harian

KLUANG: Polis mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian seorang bayi lelaki berusia enam bulan yang cedera disyaki digigit oleh anak pengasuh seperti yang tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, semakan mendapati laporan polis telah dibuat ibu bayi itu pada jam 5.30 petang, Rabu lalu.

"Laporan dibuat wanita berkenaan mengenai kes anak yang berumur enam bulan mempunyai kesan gigitan di badan disyaki digigit oleh anak pengasuh yang berusia tiga tahun.

"Hasil siasatan, pengasuh merupakan seorang wanita tempatan berusia lingkungan 20-an telah dikenal pasti dan akan dirakam percakapan pada Isnin bagi membantu siasatan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurut Bahrin, kes tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum penjara sampai 20 tahun dan denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sebelum itu, seorang wanita yang dipercayai ibu kepada bayi itu menerusi satu hantaran di Facebook pada Ahad tanpa mendedahkan lokasi rumah pengasuh berkongsi kejadian yang menimpa bayinya.

"Hari pertama di rumah pengasuh berakhir dengan tragedi yang perit bagi aku dan anak-anak. Baby Luth yang baru enam bulan digigit oleh anak pengasuh.

"Lebih lapan gigitan sehingga terkoyak kulit berdarah di baju," tulisnya.

Selain itu, seorang lagi anak lelakinya pula didakwa dilempang sehingga trauma.

"Abang Nuh pula kesan lempang berbirat jari orang dewasa di muka. Sampai sekarang abang Nuh masih trauma hingga demam-demam.

"Dia sendiri saksi nampak adik dia kena gigit...Doakan Luth dan Nuh cepat sembuh luka, demam dan trauma," ujarnya tanpa menyatakan umur seorang lagi anaknya," tulisnya. - **Sinar Harian**



TAJUK : BAKAL PENGANTIN MENGAKU ROGOL GADIS BAWAH UMUR

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bakal pengantin mengaku rogol gadis bawah umur

Muar: Seorang lelaki yang dijadual melangsungkan perkahwinan bulan depan, mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol kenalan bawah umur hingga melahirkan bayi, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohamad Haidil Haiqal Abdullah, 20, yang ditemani tunangnya, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, dia yang bekerja di kebun sawit didakwa merogol mangsa berusia 13 tahun di sebuah rumah di Kluang dengan kejadian itu berlaku antara Mei hingga November 2022.


Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Daniah Munir, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memberitahu mahkamah mangsa melahirkan bayi pada Mei iaitu seminggu dia ditahan polis pada 30 April tahun lalu.

Hujahnya, hasil ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas bayi yang dilahirkan mangsa mendapati sepadan dengan tertuduh.

Mahkamah juga menetapkan 27 Februari ini untuk fakta kes, hukuman serta laporan sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandangkan tertuduh pesalah muda.



TAJUK : KASIH, SABAR JADI PANDUAN URUS 6 ANAK ISTIMEWA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 21

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kasih, sabar jadi panduan urus 6 anak istimewa

Pasangan tubuh persatuan bantu ibu bapa didik zuriat berdikari, kuasai kemahiran

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mendidik anak istimewa bukan mudah, apatah lagi kebanyakan mereka memerlukan sokongan untuk kelangsungan hidup, selain stigma yang menyukarkan keluarga.

Namun, persepsi itu tidak membelenggu kehidupan enam daripada tujuh beradik dengan empat daripadanya dikategori autisme serta mengalami gangguan keclaruan tumpuan dan kelasakan

(ADHD) serta disleksia.

Anugerah memiliki ramai anak istimewa tidak sedikitpun mengurang kasih sayang kerana setiap anak sempurna di mata Muhammad Zaqkhwan Zawawi, 39, dan isteri, Afifah Azizan, 39.

Meskipun empat anak autistik, sepanjang temu bual bersama *BH*, mereka dilihat melakukan pelbagai kerja rumah tanpa disuruh misalnya membawa turun bakul cucian ke ruangan membasuh, membancuh minuman, bermain permainan blok dan menggunakan komputer riba.

Lebih istimewa, lima zuriat itu hanya anak tiri Muhammad Zaqkhwan, namun dia menyayangi Aida Amanina Mohd Abdullah Budin, 20; Amirul Haziq, 18, (autisme dan disleksia); Arif Syarafuddin, 16, (autisme asperger sindrom); Aida Afrina, 14, (autisme dan disleksia) dan Ahmad Danish, 12 (ADHD) seperti anak sendiri.

Bersama Afifah, Muhammad Zaqkhwan yang bekerja sendiri itu dikurniakan Ayra Elise Zara,



Muhammad Zaqkhwan dan Afifah bangga anak istimewa boleh berdikari dan mahir dalam pelbagai bidang.

8, (bekas pesakit *tetralogy of fallot* (TOF); penyakit jantung kongenital sianotik) dan Adam Tuah Zaqkhary, 5 (autisme).

Beliau berkata, meskipun enam anaknya mempunyai masalah kesihatan, berkat kesabaran mereka mampu menarik nafas lega apabila semua permata hati itu mampu berdikari dan saling melengkapi, sekali gus tidak bebankan keluarga.

Anak mahir IT

"Keadaan mereka jauh bertambah baik dan dengan disiplin mereka mampu melakukan kerja rumah tanpa disuruh serta boleh membuat tugas penyelenggaraan pendingin udara, membaiki kebocoran seperti orang lain. Anak juga mahir dalam teknologi maklumat (IT), grafik dan menjahit.

"Ketika saya mula masuk dalam keluarga ini, masing-masing

bagaikan berada dalam dunia sendiri dan ketika itu saya tidak banyak pengetahuan mengenai autisme atau ADHD serta disleksia," katanya ketika ditemui di rumah mereka Taman Tasik Damai, Sungai Besi di sini, baru-baru ini.

Pengalaman membesarkan anak istimewa membuatkan Muhammad Zaqkhwan dan isteri lebih positif, boleh mengawal tekanan dengan baik dan ada formula sendiri untuk terapi autisme.

Anak sulung dan kedua, Aida Amanina kini mengikuti kelas kemahiran jahitan dan Amirul Haziq bakal mengikuti kolej vokasional dalam pengajian berkaitan pendawaian elektrik selepas masing-masing mahir pembangunan web (Aida Amanina) dan adiknya (penyelenggaraan penjejukan udara).


Kini, Muhammad Zaqkhwan menubuhkan Persatuan My Autisme Kebangsaan awal bulan ini.

"Tujuannya supaya ibu bapa dapat mengendalikan anak dengan kaedah terbaik, mesra poket, beralih alternatif pembelajaran, tidak terperangkap dalam stigma negatif dan anak istimewa itu boleh berdikari menjalani kehidupan," katanya.

Beliau juga menawarkan kelas tuisyen semua pelajaran, berkata mengenali isterinya yang sebelum ini kematian suami, membuatnya tidak berfikir banyak kali mengahwini Afifah.

Sementara itu, Afifah berkata, beliau bersyukur suami sanggup menerima semua anaknya.

Afifah lega melihat semua anak istimewanya mampu beradaptasi dengan dunia luar, menguruskan diri dan berkomunikasi dengan baik.



TAJUK : KPWKM FOKUS 9 KERANGKA HADAPI CABARAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 08

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KPWKM fokus 9 kerangka hadapi cabaran

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memfokus sembilan kerangka dalam mendepani cabaran tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata antara fokus terbahit ialah meningkatkan industri penjagaan dengan memperkasa golongan itu melalui program latihan, sekali gus melahirkan lebih ramai penjaga berkemahiran.

Selain itu, beliau berkata, KPWKM akan membangunkan Modul Kursus Asuhan dan Jagaan Orang Kurang Upaya (OKU) supaya lebih berfokus bagi menyokong perkembangan potensi golongan berkenaan secara menyeluruh.

"KPWKM juga akan memantapkan Program Penjagaan Kesihatan Ibu Lepas Bersalin MamaCare serta mempergiatkan Kempen Kesedaran Penjagaan. Bagi pengoperasian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) pula, ia akan terus diperkasakan

ke fasa seterusnya dengan pengambilan pegawai yang akan menggerakkan operasi jabatan ke tahap optimum.

"Tindakan itu mampu meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam memastikan perkhidmatan menyeluruh serta profesional dapat diberikan demi kesejahteraan kanak-kanak di negara ini. Selain itu, pindaan akta dan dasar berkaitan kanak-kanak akan dilaksanakan bagi memantapkan lagi peranan JPKK," katanya ketika menyampaikan Amanat KPWKM, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Nancy turut melancarkan Modul Intervensi Bengkel Interaktif (MIBI 2.0) sebagai intervensi psikologi dan kaunseling bagi kes kanak-kanak bawah perintah Bengkel Interaktif, Akta Kanak-

Kanak 2001, yang merangkumi empat konstruk utama, iaitu Pelan Intervensi Psikologi Kaunseling, Psikopendidikan (Retreat Keluarga), Penaksiran Psikologi dan Konsultasi Keibubapaan.

Modul versi pertama pada 2010 dibangunkan atas keperluan Akta Kanak-Kanak 2001 yang memabitkan Seksyen 30(8) (a) dan Seksyen 93(1) (b).

Nancy berkata, pelaksanaan modul versi baharu itu akan menambah impak positif dalam perkembangan, pemulihan dan pembangunan sendiri kanak-kanak serta keluarga.

Seterusnya, beliau berkata, Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) akan beroperasi sepenuhnya pada tahun ini dengan kerja berkaitan giat dilaksanakan, antaranya penguatkuasaan

peraturan antigangguan seksual, penguatkuasaan sepenuhnya Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) serta pelantikan Ahli Tribunal Antigangguan Seksual.


"KPWKM juga giat memperkasa wanita dan mengarusperdana-kan gender melalui pelbagai program serta kempen pemeraksanaan komuniti, sokongan sosial, penjaan pendapatan serta pewujudan persekitaran kondusif bagi menyokong usaha kerajaan mencapai 60 peratus penyertaan tenaga buruh wanita dan toleransi sifar keganasan terhadap wanita (ASSERT).

"Kerangka lain yang turut diberi fokus ialah Mendaya Upaya Orang Kurang Upaya dan Warga Emas; Memperkasa Praktis Kerja Sosial; Menambah Baik Perundangan, Akta dan Dasar; serta Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan," katanya.

KPWKM turut memberikan komitmen untuk melancarkan Dasar Sosial Negara 2024-2030 pada suku pertama tahun ini.



Nancy Shukri



TAJUK : PENGASUH KES BAYI DIGIGIT ANAK KENA REMAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pengasuh kes bayi digigit anak kena reman



Kesan gigitan di badan bayi berusia enam bulan pada hari pertama dihantar ke rumah pengasuh.

(Foto tular)

Kluang: Seorang bayi lelaki berusia enam bulan mengalami kesan gigitan di badan, manakala abangnya pula mempunyai kesan berbirat di muka dipercayai dilempang pada hari pertama mereka dihantar ke rumah pengasuh.

Ibu mangsa, Nurhidayah Jamil, 32, mendakwa kedua-dua anaknya itu mengalami kecederaan berkenaan ketika di bawah jagaan pengasuh di sebuah rumah taman di daerah ini.

Beliau berkata, bayinya kini ditahan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom di sini, untuk rawatan susulan, manakala abangnya masih trauma dan berada di rumah.

"Hari pertama di rumah pengasuh berakhir dengan tragedi yang perit bagi anak. Baby Luth yang baru berusia enam bulan mempunyai kesan lapan gigitan di badan sehingga terkoyak kulit dan berdarah.

"Abang Nuh pula ada kesan lempang berbirat di muka, sampai sekarang Abang Nuh masih trauma sehingga demam dan dia sendiri saksi nampak adiknya digigit.

"Doakan Luth dan Nuh cepat sembuh daripada luka, demam dan trauma," katanya dalam status yang dimuat naik di Facebook kelmarin.

Nurhidayah berkata, laporan polis sudah dibuat dan dia memohon doa supaya semuanya dipermudahkan dan anaknya cepat sembuh.

"Untuk makluman semua, siasatan sedang dijalankan dan saya serahkan semuanya kepada pihak polis untuk siasatan lanjut," katanya.

Suspek direman 4 hari

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh, berkata suspek wanita berusia 20-an dire-


man selama empat hari sehingga Khamis untuk siasatan.

"Polis mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian seorang bayi lelaki berusia enam bulan yang cedera disyaki digigit oleh anak pengasuh seperti yang tular di media sosial.

"Laporan polis sudah dibuat oleh ibu bayi itu jam 5.30 petang Rabu lalu. Laporan dibuat mengenai kes anaknya mempunyai kesan gigitan di badan disyaki digigit oleh anak pengasuh berusia tiga tahun.

"Hasil siasatan, pengasuh adalah seorang wanita tempatan berusia 20-an dan akan dirakam percakapan pada Isnin bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum penjara hingga 20 tahun dan denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan," katanya.



TAJUK : SUAMI ISTERI DIPENJARA KES AMANG SEKSUAL REMAJA LEMBAM

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suami isteri dipenjara kes amang seksual remaja lembam

Klang: Seorang lelaki dihukum penjara lapan tahun, manakala isterinya pula tujuh tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan orang kurang upaya (OKU) lembam berusia 14 tahun yang mempunyai hubungan kekeluargaan, serta menyimpan video lucah pada tahun lalu.

Hakim Noridah Adam menjatuhkan hukuman itu ke atas tertuduh lelaki berusia 33 tahun dan isterinya berumur 36 tahun yang masing-masing mengekalkan pengakuan bersalah atas semua pertuduhan dihadapi.

Semalam ditetapkan untuk pendengaran fakta kes dan jatuh hukum selepas kedua-dua tertuduh mengaku bersalah pada 8 Disember tahun lalu.

Pasangan itu masing-masing dihukum penjara lima tahun atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal dengan memegang anggota badan mangsa bagi tujuan seksual.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap

Kanak-kanak (AKSTK) 2017 yang membawa hukuman penjara hingga 20 tahun dan boleh disabit, jika sabit kesalahan.

Selain itu, mereka juga masing-masing dihukum penjara dua tahun atas pertuduhan secara bersama melakukan amang seksual bukan fizikal, iaitu menyebabkan mangsa memerhati perbuatan kedua-dua tertuduh yang bersifat seksual.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 15(d) AKSTK 2017 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Seterusnya, tertuduh lelaki juga dihukum penjara setahun atas pertuduhan menyimpan beberapa video lucah dalam telefon bimbit miliknya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semua kesalahan berkenaan



Pasangan suami isteri dihukum penjara oleh Mahkamah Sesyen di Klang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

didakwa dilakukan di sebuah rumah di Kuala Langat pada 12 November dan 1 Disember tahun lalu.

Bagaimanapun, kedua-dua tertuduh hanya perlu menjalani pemenjaraan selama lima tahun selepas mahkamah memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak bermula dari tarikh tangkapan pada 1 Disember tahun lalu.

Selain itu, mereka turut diarahkan menjalani perintah kaunseling sepanjang tempoh pemenjaraan dan pengawasan selama dua tahun selepas tamat tempoh hukuman.

Pada prosiding itu, kedua-dua tertuduh yang tiada diwakili peguam, merayu dikenakan hukuman ringan dan pemenjaraan dijalankan serentak.

Timbalan Pendakwa Raya, Nu-

rul Izzati Mohamad bagaimanapun memohon supaya pasangan suami isteri itu dikenakan hukuman berat dengan mengambil kira keseriusan jenayah seksual yang dilakukan terhadap seorang kanak-kanak.

"Saya memohon mahkamah mengambil kira kepentingan awam agar memberi pengajaran kepada tertuduh serta orang awam supaya tidak melakukan perbuatan keji," katanya.

Berdasarkan fakta kes, pasangan suami isteri itu didakwa menghantar pesanan melalui aplikasi WhatsApp kepada mangsa supaya ke rumah mereka untuk melipat baju, jam 1.13 tengah hari 12 November lalu.

Mangsa yang hadir kemudian dikatakan telah diarah melipat baju di dalam bilik sebelum berlakunya amang seksual terbahit.



TAJUK : 'BARU HARI PERTAMA DAH BERBIRAT MUKA!'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Mohamad Fahd
Rahmat
am@hmetro.com.my

Kluang

Seorang ibu mendakwa bayinya yang berusia enam bulan digigit anak pengasuh hingga berdarah manakala seorang lagi anaknya memiliki kesan birat di muka dan ia berlaku pada hari pertama kedua-duanya dihantar ke rumah pengasuh.

Nurhidayah Jamil mendakwa, bayinya itu memiliki lapan kesan gigitan di badan dan kini ditahan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom untuk rawatan susulan selain diberi antibiotik manakala abangnya, masih trauma dan berada di rumah.

"Hari pertama di rumah pengasuh berakhir dengan tragedi yang perit bagi aku dan anak-anak.

"Baby Luth yang baru 6 bulan digigit oleh anak pengasuh lebih 8 gigitan sehingga terkoyak kulit berdarah-darah di baju.

"Abang Nuh pula, kesan lempang berbirat jari orang dewasa di muka.

"Sampai sekarang Abang Nuh masih trauma sampai demam. Dia sendiri saksi nampak adik dia kena gigit. Doakan Luth dan Nuh cepat sembuh luka, demam dan trauma," katanya dalam status dimuat naik di laman sosial Facebook, kelmarin.

Katanya, laporan polis sudah dibuat malah dia berdoa supaya anaknya segera sembuh.

Bagaimanapun, katanya, dia membuat keputusan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengasuh terbabit memandangkan wanita itu mempunyai anak kecil.

"Untuk makluman semua, siasatan sedang dijalankan dan saya serahkan semuanya kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.

"Terima kasih kepada se-



KESAN berbirat jari orang dewasa di muka.

IBU DAKWA DUA ANAK DIDERA DI RUMAH PENGASUH

'Baru hari pertama dah berbirat muka!'



KESAN gigitan jelas kelihatan pada badan bayi berusia enam bulan.

mua yang turut berduka cita dengan apa yang berlaku dan terutama kepada pihak polis yang banyak membantu dalam siasatan.

"Tujuan saya post dalam Facebook ini adalah agar pengasuh dan ibu bapa boleh ambil iktibar akan apa yg berlaku kepada keluarga kecil kami ini dan boleh elakkan perkara ini berlaku lagi," katanya.


Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kluang Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, pengasuh terbabit yang berusia 20-an sudah ditahan dan direman hingga Khamis ini.

"Kami sahkan menerima laporan kejadian seorang bayi lelaki berusia enam bulan cedera disyaki digigit oleh anak pengasuh seperti yang tular di media sosial.

"Laporan polis dibuat ibu bayi itu jam 5.30 petang, Rabu (10 Januari) lalu," katanya.

Menurut beliau, pengasuh terbabit adalah warga tempatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali.

"Hari pertama di rumah pengasuh berakhir dengan tragedi yang perit bagi aku dan anak-anak. Baby Luth yang baru 6 bulan digigit oleh anak pengasuh lebih 8 gigitan sehingga terkoyak kulit berdarah-darah di baju. Abang Nuh pula, kesan lempang berbirat jari orang dewasa di muka"



TAJUK : TIADA IKAT JAMIN BAGIMU!

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

Seorang pendawai elektrik terpaksa bermalam di penjara selepas Mahkamah Sesyen di sini, semalam menolak permohonannya untuk diikat jamin atas pertuduhan mencabul anak teman wanitanya, minggu lalu.

Hakim Abu Bakar Manat membuat keputusan selepas membenarkan permohonan pihak pendakwaan atas faktor keselamatan mangsa memandangkan tertuduh, Azman Abdullah, 53, kerap ke rumahnya untuk berjumpa ibu remaja terbabit.

Tertuduh didakwa atas pertuduhan mencabul mangsa yang berusia 17 tahun pada kejadian di sebuah rumah di sekitar daerah ini, jam 8 pagi, Isnin lalu.

Bagaimanapun, tertuduh tidak mengaku bersalah. Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir berhujah, tidak wajar tertuduh dibenarkan diikat jamin memandangkan kesalahan

PENDAWAI ELEKTRIK CABUL ANAK TEMAN WANITA

Tiada ikat jamin bagimu!

dilakukan adalah serius.

Hujahnya, tertuduh juga dilaporkan kerap bertandang ke rumah ibu mangsa dan tidak menolak kebarangkalian mangsa diganggu oleh lelaki itu boleh berlaku.

Tertuduh dalam rayuannya memohon mahkamah membenarkan ikat jamin kerana mengalami masalah kesihatan dan perlu mendapatkan rawatan.

Mahkamah memutuskan untuk tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh dan menetapkan 19 Februari ini untuk sebutan semula kes, serahan dokumen serta lantikan peguam tertuduh.

Kejadian cabul berlaku ketika mangsa mahu menutup pintu utama rumahnya selepas diminta tertuduh.

Ketika kejadian, hatinya tertuduh yang su-


dah berkahwin dan mangsa ber-

ada di rumah manakala ibu remaja itu keluar bekerja.

Mangsa membuat laporan berkaitan kejadian di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar.



AZMAN terpaksa bermalam di penjara selepas mahkamah menolak permohonan ikat jaminnyanya.



TAJUK : TUNANG TEMAN KE MAHKAMAH

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

Seorang lelaki yang ditemani tunangnya, malah bakal berkahwin bulan depan, mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol kenalan bawah umur hingga melahirkan anak, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohamad Haidil Haiqal Abdullah, 20, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, dia yang bekerja di kebun kelapa sawit didakwa merogol mangsa yang berusia 13 tahun di sebuah rumah di Kluang, antara Mei hingga November 2022.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memberitahu mahkamah bahawa mangsa sudah melahirkan bayi pada Mei iaitu seminggu selepas dia ditahan polis pada 30 April tahun lalu.

Hujahnya, hasil ujian asid deoksiribonukleik

Tunang teman ke mahkamah

Lelaki hadapi pertuduhan noda kenalan bawah umur hingga melahirkan anak, dua tahun lalu



MOHAMAD Haidil dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku rogol kenalan hingga melahirkan bayi dua tahun lalu.

(DNA) ke atas bayi yang dilahirkan mangsa mendapati, ia sepadan dengan tertuduh.


"Dalam kes ini, mangsa masih di bawah umur dan kesalahan ini adalah serius. Pihak pendakwaan memo-

hon mahkamah tidak membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh," katanya.

Selepas mendengar hujahan pihak pendakwaan, mahkamah memutuskan untuk tidak membenarkan

tertuduh diikat jamin.

Mahkamah juga menetapkan 27 Februari ini untuk fakta kes, hukuman serta laporan sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandangkan tertuduh pesalah muda.



TAJUK : COUPLE JAILED 5 YEARS FOR SEXUAL OFFENCES AGAINST DISABLED TEEN

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

TO UNDERGO COUNSELLING

Couple jailed 5 years for sexual offences against disabled teen

KLANG: A married couple have been sentenced to five years in prison by the Sessions Court for committing sexual offences against a 14-year-old girl with disabilities and possessing pornographic videos.

Judge Noridah Adam meted out the sentence to the accused, Khairul Hizwan Kamarudin, 33, and Norehan Abu Kasim, 36, who pleaded guilty to all charges.

Yesterday's proceedings were scheduled to present case facts and the subsequent sentencing, following the guilty pleas entered by both defendants on Dec 8 last year.

Noridah sentenced both to five years in prison each for committing sexual crimes by touching the victim's body parts for sexual purposes.

Additionally, a two-year prison term was imposed for causing the victim to witness the sexual

acts of both defendants and a one-year prison term for Khairul Hizwan for the possession of pornographic videos.

The court ordered the imprisonment of both defendants to run concurrently from the date of their arrest on Dec 1 last year.

They were also directed to undergo counselling throughout imprisonment and be supervised for two years after serving their sentences.

According to the charges, the couple each faced a charge of physically committing sexual crimes against the teenager by touch-

ing her body parts for sexual purposes, under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 (SOACA 2017), which carries a maximum prison term of 20 years and caning upon conviction.

They were also jointly charged with committing non-physical sexual crimes, causing the victim

The court ordered the imprisonment of both defendants to run concurrently from the date of their arrest on Dec 1, last year.




A man and his wife were each sentenced to five years' jail by the Klang Sessions Court yesterday for physical sexual assault on a disabled girl in November and December last year. BERNAMA PIC

to witness their sexual acts, an offence under Section 15(d) of SOACA 2017 read together with Section 34 of the Penal Code, which provides for a maximum prison term of 10 years or a maximum

fine of RM20,000, or both. Khairul Hizwan pleaded guilty to a separate charge of having several pornographic videos on his mobile phone, as per Section 292(a) of the Penal Code which

carries a maximum prison term of three years, a fine, or both. All offences were committed at a Kampung Bukit Changgang, Kuala Langat residence last year on Nov 12 and Dec 1.



TAJUK : EX-SOLDIER PLACED ON SIX-MONTH PEACE BOND FOR HURTING WIFE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ex-soldier placed on six-month peace bond for hurting wife

KUCHING: The Magistrates' Court here yesterday placed an ex-soldier on a six-month bond of RM1,000 to keep the peace after he pleaded guilty to hurting his wife.

Magistrate Zubaidah Sharkawi made the order against Givensuraj T. Jenggeng Achek, 30, after he made the plea to a charge under Section 67 of the Criminal Procedure Code.

Givensuraj committed the offence at a house in Kampung Tabuan Dayak at around 8.30pm on Jan 6, 2024.

Based on the facts of the case, Givensuran was dissatisfied with his wife, 42, and proceeded to hold her arms tightly before pushing her against the wall of the house.

The incident caused his wife to experience pain in the chest and bruises on both arms.


Following that, his wife made a police report, which led to Givensuraj's arrest.

The investigation found that the incident involved a domestic issue between the couple, and to prevent a recurrence of the same incident, Givensuraj was ordered to complete the bond to keep the peace.

It is understood that the cause of the incident was that his wife discovered Givensuraj had been dismissed from his job, leading her to have an affair with another man.

This caused Givensuraj to be dissatisfied with his wife and injuring her.

Insp Nur Shafiq Nyaie Ilin prosecuted the case, while Givensuraj was unrepresented by legal counsel.



TAJUK :	LIONS CLUB, COMPANY BRING FESTIVE CHEER TO CHILDREN'S HOME		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	16 JAN 2024	M/SURAT :	09
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Jong (fifth left) and others witness the handover of the contribution by Yii to the home's person in charge.


Lions club, company bring festive cheer to children's home

MIRI: The Lions Club of Batu Niah and Shun Shen Lee Trading (Miri) Sdn Bhd recently organised a charity visit to Miri Methodist Children's Home in conjunction with the upcoming Chinese New Year festival.

The visit was headed by club president Andy Jong and the company's branch manager Jimmy Yii, who brought with them 10kg rice packs and ang pows for the children. "The visit is part of our

activities for the upcoming Chinese New Year to bring cheer to the children at the home. "This is especially so during festive periods where they may sometimes feel a bit lonely," said Jong.

He added the ang pows distributed to the children were meant for their pocket money. There are currently 14 children residing at Miri Methodist Children's Home under the care of seven staff members.



TAJUK :	MAN, WIFE JAILED FIVE YEARS FOR COMMITTING SEXUAL ASSAULT ON DISABLED GIRL		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	16 JAN 2024	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man, wife jailed five years for committing sexual assault on disabled girl

KLANG: A man and his wife were each sentenced to five years' jail by the Sessions Court here yesterday for committing physical sexual assault on a 14-year-old disabled girl in November and December last year.

Judge Noridah Adam handed down the jail sentence on Khairul Hizwan Kamarudin, 33, and

Norehan Abu Kasim, 36, who pleaded guilty on Dec 8 to three counts of sexual assaults by touching the body of the teenager.

The court also sentenced the couple to two years' imprisonment for making the victim watch them engage in sexual activity.

The man was also sentenced

to serve another year in jail for possession of pornographic videos on his mobile phone.

The court ordered the jail sentences to run concurrently from the date of their arrest on Dec 1 last year.

All the offences were committed at a house in Kampung Bukit Changgang, Kuala Langat on Nov

12 and Dec 1.


For the sexual assault charges, both of them were charged under Section 14(a) and 15(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

For the offence of being in possession of pornographic videos on his mobile phone, the man was charged under Section

292(a) of the Penal Code.

According to the facts of the case, the couple sent a text message to the victim, asking her to come to the house to help with the clothes-folding work.

When she arrived, she was told to fold the clothes in the bedroom where the offences were later committed. — Bernama



TAJUK : NEARLY RM60,000 CHANNELLED AS AID TO BINTAWA HILIR FIRE VICTIMS

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Nearly RM60,000 channelled as aid to Bintawa Hilir fire victims

Galileo Petingi

KUCHING: The Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development through the Welfare Department has rendered aid to nine households that were affected by the fire that broke out in Kampung Bintawa Hilir recently.

The assistance, amounting to RM59,050, consisted of food, clothing including school uniforms for the children, pocket money, sleeping equipment, kitchen utensils, as well as funds for them to rebuild their houses.

"With this assistance, we hope that this could help them face these difficult times," Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak Dato Sri Fatimah Abdullah said when met by reporters during her visit to Bimajaya Recreational Hall at Kampung Bintawa Hilir here yesterday afternoon.

The hall is presently serving as a temporary relocation centre for the fire victims.

During the visit, Fatimah reminded the victims to inform the Welfare Department should they wish to move out from the centre.




Fatimah (front, right) visits the site of one of the razed houses in Kampung Bintawa Hilir.

This, she pointed out, was because some of them had a place to stay at their relatives' houses in the village, while some chose to rent in other places.

"Aid is provided for those renting in the city area. Those who wish to rebuild their destroyed houses can also apply for assistance from the

Sarawak Disaster Management Committee," she said.

The fire on Jan 5 destroyed seven houses and damaged two others.



TAJUK : TEENAGE PREGNANCY ON THE RISE IN SARAWAK

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 01&02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Teenage pregnancy on the rise in Sarawak

State records 32 per cent increase in 2023 compared to previous year, half of cases involve Iban community

Sam Chua & Kentigern Minggu

KUCHING: Sarawak recorded a total of 2,026 teenage pregnancy cases last year, a 32 per cent increase from the 1,536 cases in 2022, revealed Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister however said despite the increase, the state still registered an overall reduction of 40.43 per cent in such cases between 2014 and 2023.

She said Kapit Division registered the highest percentage of teenage pregnancies last year at 13.03 per cent, followed by Sri Aman (9.19 per cent), Sarikei (8.48 per cent), Betong (8.16 per cent), and Serian (8.05 per cent).

In terms of ethnicity, Fatimah said about half of the teenage pregnancies last year were from the Iban community, followed by the Malay community (22.3 per cent), Bidayuh (7.7 per cent) and Chinese (7 per cent).

"Based on statistics, 60.1 per cent of teenage pregnancies reported last year involved those who were not married at the time.

"It was also found that 58.7 per cent of the cases had dropped out of school before becoming pregnant, while 3.2 per cent of them stopped schooling as a result of falling pregnant," she told a press conference here yesterday.

Fatimah, who earlier chaired a One Stop Teenage Pregnancy Committee (OSTPC) meeting at Wisma Bapa Malaysia, said 95 per cent of teenage pregnancies last year involved those aged 16 and above.

"From experience, even if the victims had gotten married after the pregnancy, usually the



Based on statistics, 60.1 per cent of teenage pregnancies reported last year involved those who were not married at the time.

Dato Sri Fatimah Abdullah

marriage would not last long and a lot would end in divorce.

"This would lead to other social issues and the teenagers would also become single mothers," she added.

According to her, a study by Universiti Malaysia Sarawak found that curiosity, promiscuity, peer pressure, exchange of pornographic videos, substance abuse, family issues, and grooming are among the contributing factors to teenage pregnancy cases.

In an effort to reduce the number of teenage pregnancies, she said her ministry is planning several initiatives including the Sexual Awareness and Advocacy Programme (KAPS).

Programmes for primary, secondary schools among initiatives to bring down teen pregnancy cases — Fatimah

> From Page 1

The initiatives include a 12-series KAPS for secondary schools; three-series KAPS for primary schools; Social Development Discourse Programme (RPS); OSTPC engagement session with strategic partners; discourse to share research findings on the profile of pregnant teenagers in Sarawak; engagement session with specialist hospitals to


increase awareness and publicity for the baby hatch programme; and engagement sessions with community leaders and village chiefs to address the issue of child marriage.

In addition, Fatimah said the ministry provides a location for underage teenagers to see through their pregnancy in a safe and conducive environment at Taman Seri Puteri Kuching, with a total of 31 individuals placed there since 2016.

On the baby-hatch programme, she said a facility is currently available at Borneo Medical Centre here, with another to be located at KPJ Kuching once technical matters are resolved.

"The ministry aims to provide a holistic approach via inter-agency collaborations to ensure teenage mothers are given an opportunity to start a new chapter in their life, and that necessary protection is provided to the baby born," she said.

> Turn to Page 2, Col 4



TAJUK :	COUPLE JAILED FOR SEX ASSAULTS ON DISABLED GIRL		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	16 JAN 2024	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Couple jailed for sex assaults on disabled girl

KLANG: A couple was sentenced to five years' jail each for committing physical sexual assault on a 14-year-old disabled girl.

Sessions Court judge Noridah Adam meted out the jail sentence yesterday on Khairul Hizwan Kamarudin, 33, and Norehan Abu Kasim, 36, who pleaded guilty on Dec 8 to three counts of sexual assaults by touching the girl's body.

The court also sentenced the couple to two years' jail for making the girl watch them engage in sex.

Khairul Hizwan was also jailed one year for having pornographic videos on his mobile phone.

Noridah ordered the jail sentences to run concurrently from the date of arrest on Dec 1 last year, Bernama reported.


The couple committed all the offences at a house in Kampung Bukit Changgang, Kuala Langat, on Nov 12 and Dec 1.

For the sexual assault charges, both were charged under Section 14(a) and 15(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

On the offence of being in possession of pornographic videos, Khairul Hizwan was charged under Section 292 (a) of the Penal Code.

According to the facts of the case, the couple sent a text message to the girl, asking her to come to their house to help with clothes-folding work.

When she arrived, she was told to fold the clothes in the bedroom where the offences were later committed.



TAJUK : COUPLE GET FIVE YEARS FOR SEXUAL ASSAULT ON DISABLED GIRL

HARI : SELASA

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 05

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Couple get five years for sexual assault on disabled girl

KLANG: A man and his wife were each sentenced to five years' jail by the Sessions Court yesterday for sexual assault on a 14-year-old disabled girl in November and December last year.

Judge Noridah Adam handed down the jail sentence on

Khairul Hizwan Kamarudin, 33, and Norehan Abu Kasim, 36, who pleaded guilty on Dec 8 to three counts of sexual assault by touching the body of the teenager.

The court also sentenced the couple to two years' jail for making the victim watch them engage

in sexual activity. The man was also sentenced to serve another year in jail for possession of pornographic videos on his mobile phone.


Noridah ordered the jail sentences to run concurrently from the date of their arrest on Dec 1 last year. The couple committed all the offences at a

house in Kampung Bukit Changgang in Kuala Langat on Nov 12 and Dec 1.

The couple were charged under Section 14(a) and 15(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, while Khairul was charged under Section 292 (a) of the Penal Code for the offence of being in

possession of pornographic videos.

The couple sent a text message to the victim, asking her to come to the house to help with house chores. When she arrived, she was told to fold clothes in the bedroom, where the offences were later committed.
- Bernama



TAJUK :	JKM KELANTAN SEDIAKAN KHIDMAT SOKONGAN PSIKOLOGI KEPADA LEBIH 45,000 MANGSA BANJIR		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	16 JAN 2024	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

JKM Kelantan sediakan khidmat sokongan psikologi kepada lebih 45,000 mangsa banjir

KOTABHARU:Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan menyediakan perkhidmatan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi (IKSP) kepada 45,892 mangsa yang terkesan dengan bencana banjir di Kelantan sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) tahun lepas.

Pengarah JKM Kelantan Said Sidup berkata mangsa banjir tersebut melibatkan 7,886 mangsa banjir bagi gelombang pertama pada November manakala 38,006 mangsa semasa gelombang kedua, Disember lepas.

“JKM selaku satu daripada agensi di bawah agensi bantuan dan pemulihan dipertanggungjawab untuk menguruskan kesemua PPS yang dibuka.

“Selain menguruskan pusat pemindahan, pakaian, makanan dan keperluan asas, JKM juga menyediakan perkhidmatan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi (IKSP) kepada mangsa yang terkesan dengan bencana banjir ini,” katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Menurutnya IKSP tersebut dikelolakan oleh Pegawai Psikologi dari Bahagian Psikologi dan Kaunseling JKM.

Said berkata antara perkhidmatan melalui IKSP adalah Kaunseling Krisis, Pertolongan Cemas Psikologi (PFA), Intervensi Krisis atau Jangka Pendek, Sesi Kelompok Sokongan, aktiviti Psikopendidikan (ceramah), aktiviti Psikoterapi dan Taklimat (Petugas Bencana).

“Seramai 13 pegawai dan penolong pegawai psikologi di JKM Kelantan dengan dibantu oleh sukarelawan Pasukan Sokongan Psikologi (PST) telah ditugaskan untuk menyantuni mangsa bencana di PPS dengan menawarkan perkhidmatan IKSP ini.

“Mereka menjalankan saringan keperluan intervensi secara manual menggunakan Kit Krisis JKM yang diagihkan kepada setiap keluarga di PPS atau secara dalam talian menggunakan ‘google form’ dan keputusan saringan akan terus dinilai oleh pegawai psikologi,” katanya.

Menurutnya saringan itu bertujuan mengenal pasti mangsa yang terkesan teruk secara psikologi akibat bencana dan akan diberikan intervensi segera jika mangsa menunjukkan keputusan simptom trauma yang teruk.

— Bernama



TAJUK :	JKMNS SALUR BANTUAN RM59,050 KEPADA MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG BINTAWA HILIR		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	16 JAN 2024	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

JKMNS salur bantuan RM59,050 kepada mangsa kebakaran Kampung Bintawa Hilir

KUCHING: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKMNS) menyalurkan bantuan berjumlah RM59,050 kepada mangsa kebakaran di Kampung Bintawa Hilir di sini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, bantuan diberikan menerusi cek dan mengikut kuantum yang telah ditetapkan jabatan itu.

Ia merangkumi bantuan wang saku, makanan, pakaian harian dan peralatan sekolah, kelengkapan tidur, peralatan dapur serta bantuan bahan binaan.

"Hari ini kita menyerahkan cek bantuan kepada mangsa kebakaran setelah siasatan

dilakukan dengan melihat berapahli keluarga dan profil keluarga yang terjejas.

"Diharapkan dengan bantuan ini dapat meringankan beban mangsa kebakaran ketika menghadapi waktu sukar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan cek bantuan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Rekreasi Bimajaya Kampung Bintawa Hilir di sini, semalam.

Dalam pada itu, Fatimah memberitahu bahawa Kerajaan Sarawak sentiasa menyediakan pelbagai bantuan kepada golongan memerlukan antaranya Program Rumah Rakyat Termiskin (PPRT). Sementara di bawah

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) pula menyediakan bantuan sebanyak RM70,000 untuk bencana termasuk kebakaran.


Terdahulu, satu kejadian kebakaran yang berlaku di Kampung Bintawa Hilir pada 5 Januari lalu telah menyebabkan tujuh rumah musnah 100 peratus manakala dua lagi rumah musnah sebahagian.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, bagaimanapun tiada kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian tersebut.

Kesemua penghuni rumah melibatkan 58 orang dilaporkan selamat.



UNTUK ALBUM: Fatimah merakam kenangan bersama mangsa kebakaran di Kampung Bintawa Hilir yang ditempatkan di PPS di Dewan Rekreasi Bimajaya Kampung Bintawa Hilir semalam.



TAJUK : PERGAULAN BEBAS ANTARA PUNCA KES KEHAMILAN REMAJA

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 JAN 2024

M/SURAT : 02

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Pergaulan bebas antara punca kes kehamilan remaja

Terdapat peningkatan kes kehamilan remaja di Sarawak pada tahun 2022 hingga 2023, kata Fatimah

Oleh Agnes Tagang

KUCHING: Pergaulan bebas antara faktor utama yang menyumbang kepada jumlah kes kehamilan dalam kalangan remaja yang tinggi di Sarawak.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, terdapat peningkatan kes kehamilan remaja di Sarawak pada tahun 2022 hingga 2023.

Katanya, pada tahun 2022 jumlah kes kehamilan remaja di negeri ini adalah sebanyak 1,536 kes dan meningkat sebanyak 490 kes kepada 2,026 kes pada 2023.

"Selain pergaulan bebas, terdapat beberapa faktor yang lain menyumbang kepada jumlah kes kehamilan remaja yang tinggi di Sarawak.

"Ini termasuk tercicir daripada sekolah, terdedah



KENANGAN: Fatimah (sembilan kanan, belakang) merakam gambar bersama ahli tetap OSTPC yang menerima watikah pelantikan bagi sesi 2024 hingga 2026. -- Gambar Kiyomasa Borneo

kepada gambar dan video lucu, faktor keluarga termasuk faktor budaya.

"Sebab itu kita akan menjalankan beberapaisi program tahun ini sebagai usaha menu-

runkan kes kehamilan remaja di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat

Sehenti Remaja Hamil (OST-PC) di Wisma Bapa Malaysia di sini, semalam.

Fatimah yang juga pengerusi OSTPC menjelaskan, jawatankuasa ini ditubuhkan

pada 2014 dengan tujuan menangani isu kehamilan remaja secara bersepadu.

Satu daripada objektif OSTPC katanya, adalah untuk menurunkan bilangan kes

“ Selain pergaulan bebas, terdapat beberapa faktor yang lain menyumbang kepada jumlah kes kehamilan remaja yang tinggi di Sarawak. ”

Dato Sri Fatimah Abdullah
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

remaja hamil dan pada masa yang sama menurunkan kes buang bayi.

"Pada awal penubuhan OSTPC pada 2014, kes remaja hamil di Sarawak adalah tinggi iaitu sebanyak 3,401 kes dan rekod pada 2023 menunjukkan sebanyak 2,026 kes.

"Berdasarkan statistik juga kita dapati kes remaja hamil menurun dengan ketara pada 2021 (1,623 kes) dan 2022 (1,536 kes) susulan daripada sekatan pergerakan pandemik COVID-19.

"Ini adalah satu input yang penting yang kita pelajari

daripada sekatan pergerakan COVID-19, di mana kita sebagai ibu bapa perlu mengawal pergerakan dan pergaulan anak-anak," kata Fatimah.

Terdahulu Fatimah turut menyampaikan watikah pelantikan kepada 35 ahli tetap OSTPC bagi sesi 2024 hingga 2026.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Noriah Ahmad dan Setiausaha Eksekutif Majlis Pembangunan Sosial Sarawak Dr Zufar Yadi Brendan Abdullah.